

# Pelajar UMS reka basikal guna kayu Akasia

UB 12-12-13 B5

KOTA KINABALU: Seramai 24 pelajar daripada Program Teknologi dan Industri Perakayaan, Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa, Universiti Malaysia Sabah (UMS) berhasil menyiapkan pelbagai bentuk basikal kayu dalam 'Project Bike' mereka.

Kesemua basikal itu dibuat daripada kayu Akasia termasuklah komponen-komponennya dengan menggunakan peralatan pertukangan kayu.

Mereka mengaplikasikan segala yang telah dipelajari dalam subjek Pemprosesan Industri Kayu, di mana mereka diajar mengenai pelbagai metod memproses kayu

berbekalkan konsep "dari sisa kepada kemewahan".

Pensyarah subjek berkenaan, Dr Liew Kang Chiang berkata para pelajar terbabit merekabentuk basikal mereka dengan memastikan beberapa panduan dipenuhi seperti tiada paku, hanya menggunakan kayu, penggunaan alat penyambung dan gam kayu.

Beliau berkata sekolah berkenaan berasa bangga dengan pencapaian para pelajar terbabit.

"Para pelajar juga diajar untuk mengamalkan sikap mementingkan

keselamatan, menjaga kebersihan dan kekemasan tempat kerja, pengurusan masa, disiplin, perancangan, kerja berpasukan dan komunikasi.

"Kesemua skil berkenaan amat berguna apabila mereka keluar dan mendapat pekerjaan kelak," katanya.

Terdapat empat program di Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa UMS, iaitu Perhutanan Tropika Antarabangsa (HG19), Taman Semulajadi dan Rekreasi (HG20), Perladangan dan Agroperhutanan (HG23), dan Teknologi dan Industri Kayu (HY11).



**PARA** pelajar bersama basikal yang mereka hasilkan.